



PASTIKAN SI MANJA MUDAH MENGHADAM



DARI kiri Liyana Saw, Pengarah Pemasaran Dutch Lady Milk Industries Berhad, Ashlee Ng dan Wayne pada majlis pelancaran wajah baru Friso Gold dengan teknologi LocNutri™.

Ramai ibu bapa tahu makanan bernutrisi boleh membantu menguatkan tubuh si manja tetapi mungkin ada yang terlepas pandang mengenai kepentingan aspek penghadamannya.

Sistem penghadaman kita bertanggungjawab mencerna makanan supaya khasiatnya dapat diserap oleh badan. Penghadaman yang baik sangat penting dalam membina daya ketahanan

semula jadi si manja terhadap penyakit.

Bagaimanapun, bukan semua makanan bernutrisi adalah sama. Ada yang lebih sukar dihadam kerana diproses menggunakan haba yang terlalu panas atau tinggi. Apabila struktur protein rosak, ia sukar dihadam dan ini boleh menjadi punca ketidakhadaman, kembung, sembelit dan perut tidak selesa.

Untuk memastikan

si manja boleh mencerna makanan seperti susu dan menyerap kandungan nutrien dengan mudah, Friso Gold menambah baik formulasi-nya dengan teknologi LocNutri™ terkini.

LocNutri™ adalah satu inovasi pengeluaran yang memastikan nutrien dalam susu tidak terlalu panas sewaktu pemrosesan. Oleh itu, nutrisi dipelihara dalam struktur semula jadi yang mudah dihadam.

Menurut Pengarah Urusan Dutch Lady Malaysia Saw Chooi Lee, syarikat itu komited dalam menghasilkan susu terbaik buat si manja melalui teknologi pemrosesan yang canggih.

"Nutrien dalam susu sangat penting untuk pertumbuhan si manja. Nutrien susu bukan sahaja membantu otot, kulit, tulang dan tisu, tetapi juga berfungsi meningkatkan daya tahan badan terhadap penyakit. Kami komited untuk membantu si manja dari dalam supaya anak-anak ini dapat terus belajar daripada pengalaman harian mereka.

"Teknologi LocNutri™ Friso Gold memproses susu dengan rawatan haba yang sederhana. Cara ini dapat memelihara struktur asli nutrien, agar mudah dihadam dan membantu si manja menjadi lebih kuat dari dalam," katanya.

Pakar Perunding Diet Indra Balaratnam berkata, tahap haba yang digunakan dalam pemrosesan makanan boleh menjejaskan keupayaan penghadaman.

"Makanan yang dimasak pada suhu yang betul lebih mudah untuk dihadam. Ini boleh diguna pakai untuk

susu tepung rumusan juga. Susu rumusan biasanya diproses dengan haba yang tinggi lalu merosakkan struktur asal nutrien.

"Nutrien yang rosak tidak mudah diserap oleh usus kanak-kanak. Lebih buruk lagi, ia boleh menyebabkan masalah pencernaan dan perut rasa tidak selesa, seperti sakit perut, sembelit atau air besar yang keras," jelasnya.

Kanak-kanak yang mempunyai masalah penghadaman juga mudah rasa gelisah, tidak berminat untuk bermain dan kurang selera makan. Kanak-kanak kecil mungkin kerap menangis kerana ketidakselesaan, dan kemungkinan tidak dapat belajar atau berinteraksi dengan baik.

Penyanyi dan pelakon Liyana Jasmay, sangat berhati-hati dalam memberikan susu kepada anak kesayangannya, Sofia Arissa yang baru berusia dua tahun.

"Sofia kini dalam peringkat umur yang paling penting untuk belajar dan saya mahu membantunya meneroka sebanyak mungkin pengalaman baharu dalam kehidupan sehariannya sambil berseronok. Ini tidak

mungkin dapat dilaksanakan jika anak saya sentiasa mengalami senak perut.

"Bagaimana seorang kanak-kanak dapat fokus ketika bermain, berinteraksi atau belajar jika perut mereka berasa tidak selesa? Inilah sebabnya saya cuba

untuk memastikan sistem penghadaman anak saya berada dalam keadaan terbaik," katanya yang menyediakan makanan segar dan kaya serat selain menggalakkan anaknya minum banyak air.

Pelakon drama TV popular, Wayne Chua juga memberi perhatian kepada kesihatan sistem penghadaman anaknya, Celestia, yang berusia empat tahun.

"Saya gembira kerana Celestia tidak menunjukkan tanda senak dan ketidakselesaan perut. Dia mempunyai selera makan yang baik, gemar akan buah-buahan dan sayuran," katanya.

Friso Gold, susu tepung yang diformulasi untuk kanak-kanak dengan teknologi LocNutri™ kini boleh didapati di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut, layari www.frisogold.com.my.